


Sorotan Pilihan Raya Negeri Sabah 2020

SEMENJAK pembentukan Malaysia pada tahun 1963 hingga 2020, Sabah telah mengadakan sebanyak 14 kali pilihan raya negeri (PRN), iaitu pada tahun 1967, 1971, 1976, 1981, 1985, 1986, 1990, 1994, 1999, 2004, 2008, 2013, 2018 dan 2020.



PRN 1967 dianggap PRN pertama di negeri itu yang memberikan kemenangan kepada Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO), di bawah kepimpinan Tun Datu Mustapha Datu Harun. Mustapha meneruskan legasi USNO melalui PRN 1971 apabila memenangi majoriti kerusi yang dipertandingkan. Sebaliknya, melalui PRN 1976, Tun Fuad Stephens bersama-sama Datuk Harris Salleh melalui Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) berjaya menewaskan USNO seterusnya membawa kepada pelantikan Fuad sebagai Ketua Menteri (KM).

Pelantikan Fuad tidak lama apabila beliau terlibat dalam nahas kapal terbang pada 6 Jun 1976, iaitu 44 hari setelah mengangkat sumpah sebagai KM. Harris kemudiannya meneruskan legasi BERJAYA melalui PRN 1981 dengan memenangi dua

pertiga kerusi DUN Sabah. Harris walau bagaimanapun tewas kepada komposisi pengundi etnik Kadazan Dusun di bawah kepimpinan Joseph Pairin Kitingan serta pengundi Cina yang memberikan sokongan kepada Parti Bersatu Sabah (PBS) melalui PRN 1985. Harris yang membentuk kerjasama dengan Mustapha mengasak Pairin yang pada akhirnya membawa kepada PRN pada tahun 1986. Melalui PRN ini, Pairin mengesahkan legitimasi kuasa setelah berjaya menewaskan USNO dan BERJAYA dengan majoriti besar.

Pada tahun 1990, Pairin menarik balik sokongan kepada BN untuk bersama-sama Gagasan Rakyat pimpinan Tengku Razalieggh Hamzah. Keberadaan PBS di luar BN memberikan tekanan kepada Pairin yang pada akhirnya mengadakan PRN setahun lebih awal, iaitu pada tahun 1994. Tindakan pembubaran

awal memberikan peluang kepada BN untuk merampas kembali Sabah daripada kepimpinan PBS. Dalam PRN 1994, PBS masih memperoleh kelebihan dua kerusi berbanding dengan BN. Walau bagaimanapun, tindakan segelintir pemimpin parti yang mengamalkan nomadisme politik menyebabkan kepimpinan negeri beralih kepada parti komponen BN dengan Tun Sakaran Dandai dari Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dilantik sebagai KM.

Jawatan KM kemudian dilantik secara bergilir-gilir, iaitu Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh Tun Mohd. Said Keruak UMNO-BN (1995-1996), Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee (Parti Maju Sabah/Parti Progresif Sabah 1996-1998), Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Dompok (Parti Demokratik Sabah) BN (kini, UPKO-Pakatan Harapan 1998-1999), Datuk Seri Panglima Osu Sukam (UMNO-BN 1999-2001) Tan Sri Datuk Seri Panglima Chong Kah Kiat (Parti Liberal Demokratik-BN 2001-2003) dan Tan Sri Datuk Seri Panglima Musa Aman (UMNO 2003-2018).

Keputusan PRU 2018 menyaksikan kedudukan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah tergantung setelah BN dan WARISAN Plus Pakatan Harapan (PH) masing-masing memperoleh 29 kerusi, manakala dua kerusi dimenangi Parti Soildariti Tanah Airku (STAR). Musa kemudian mengangkat sumpah sebagai KM setelah mendapat sokongan dua ADUN STAR menjadikan 31 kerusi daripada 60 kerusi keseluruhan. Pelantikan Musa tidak kekal lama apabila lima ADUN BN dari Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO) menarik balik sokongan dan menyokong Datuk Seri Shafie Afdal dari WARISAN. Keadaan ini membawa kepada pelantikan Shafie sebagai KM Sabah yang baharu menggantikan Musa.

Pada Julai 2020, Musa tampil membawa bukti bahawa beliau mempunyai sokongan 32 ADUN dan bersedia menghadap Tuan Yang Terutama (TYT) Sabah, Tun Juhar Mahiruddin, untuk mendapat perkenan seterusnya mengangkat sumpah sebagai KM. Sebaliknya, pada 29 Julai 2020, Shafie menghadap TYT Sabah untuk mendapat perkenan pembubaran DUN. Musa kemudian membawa kes tersebut ke mahkamah bagi mencabar kesahihan bidang kuasa TYT yang memperkenankan pembubaran DUN. Pada 21 Ogos 2020, Mahkamah Tinggi menolak permohonan semakan kehakiman Musa serta 32 ADUN berhubung dengan keputusan TYT sekali gus mengesahkan legitimasi bidang kuasa TYT untuk memperkenankan pembubaran DUN.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kemudiannya mengeluarkan writ pilihan raya dengan mengadakan penamaan calon pada 12 September, manakala hari pengundian dijalankan pada 26 September 2020. Sebanyak 447 orang calon yang bertanding dari pelbagai parti, iaitu 404 orang calon lelaki serta 43 orang calon wanita. Majoriti umur calon yang bertanding ialah berusia 50-59 tahun (149 orang), manakala umur 21-29 (11 orang). Calon yang berusia 60 tahun ke atas merupakan calon kedua teramai, iaitu 131 orang. Calon tertua berumur 75 tahun bertanding di DUN Bugaya, manakala calon termuda berusia 22 tahun bertanding di DUN Tandek.

Sebanyak 749 083 orang daripada 1 124 598 orang atau 66.61 peratus keluar mengundi pada 26 September lalu. Kategori umur pengundi tertinggi ialah 30-39 tahun. Pada PRN kali ini, kerusi DUN Sabah bertambah sebanyak 13, iaitu daripada 60 kepada 73 kerusi. Kerusi tambahan tersebut ialah Bengkoka, Bandau, Pintasan, Pantai Dalit, Darau, Tanjung Keramat, Limbahau, Lamag, Tulid, Telupid, Sungai Manila, Segama dan Kukusan.

Dalam pada itu, empat komposisi kumpulan pengundi utama di Sabah, iaitu peribumi Islam, peribumi bukan Islam, pengundi Cina serta pengundi campuran terutama di sebelah Pantai Timur Sabah.

Parti yang bertanding meliputi parti dominan dan bukan dominan. Parti dominan ialah parti yang pernah memenangi pilihan raya serta mempunyai jentera parti yang kukuh selain pernah berada dalam kabinet kerajaan yang memerintah, antaranya ialah WARISAN, UMNO, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), PBS, DAP, STAR, Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan UPKO. Parti bukan dominan seperti Parti Cinta Sabah (PCS), Persatuan Cina Malaysia (MCA), Amanah, Parti Harapan Rakyat Sabah (PHRS), Parti Kebangsaan Sabah (PKS), Parti Kerjasama Anak Negeri (PKAN), Parti Liberal Demokratik (LDP), Parti gagasan Rakyat Sabah (PGRS), Parti Perpaduan Rakyat Sabah (PPRS), USNO dan Bebas. Parti ini tidak pernah memenangi kerusi pilihan raya, kemunculannya hanya menjelang pilihan raya. Keterangan lanjut sebagaimana Jadual 1 di bawah;

Jadual 1 Bilangan kerusi parti politik PRN Sabah 2020.

BIL.	PARTI	LAMBANG	JUMLAH	KEPUTUSAN
1.	Parti Cinta Sabah (PCS)		73	-
2.	Parti Warisan Sabah (WARISAN)		54	29
3.	Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO)		47	-
4.	Parti Liberal Demokratik (LDP)		46	-
5.	Barisan Nasional (UMNO dan MCA)		41	14
6.	Perikatan Nasional (PN) (Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan Parti Solidariti Tanah Airku (STAR))		29	17
7.	Parti Gagasan Rakyat Sabah (GAGASAN)		28	-
8.	Parti Perpaduan Rakyat Sabah (PPRS)		24	-
9.	Parti Bersatu Sabah (PBS)		22	7
10.	Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO)		12	1
11.	Parti Keadilan Rakyat (PKR)		7	2
12.	Parti Harapan Rakyat Sabah (PHRS)		5	-
13.	Parti Kerjasama Anak Negeri (PKAN)		2	-
14.	Parti Kebangsaan Sabah (PKS)		1	-
15.	Bebas		56	3
	Jumlah		447	73

Sumber: Kenyataan Media SPR Bil. 55-56/2020, PRN Sabah.

PCS bertanding di kesemua 73 kerusi, manakala GRS dan WARISAN Plus mengadakan pembahagian kerusi antara parti komponen. Sekalipun WARISAN Plus merupakan parti gabungan bersama-sama antara DAP, UPKO, PKR dan Amanah, hanya DAP dan Amanah yang menggunakan lambang WARISAN, manakala PKR dan UPKO menggunakan lambang partinya sendiri. Keadaan yang lebih ketara berlaku dalam blok GRS, iaitu PPBM dan STAR menggunakan simbol PN, manakala UMNO dan MCA menggunakan lambang BN. Sementara itu, PBS menggunakan lambangnya sendiri, manakala calon


Bebas menggunakan lambang yang ditetapkan SPR.

Dalam PRN Sabah 2020, parti peribumi Islam dominan berpecah kepada WARISAN, UMNO dan PPBM. Sementara itu, parti politik peribumi Islam yang bukan dominan seperti PCS, USNO, Amanah serta beberapa parti politik lain turut bertanding. Parti peribumi bukan Islam dominan pula terpecah kepada PBS, STAR dan UPKO. Parti politik etnik Cina selain DAP, seperti SAPP dan MCA tidak begitu menonjol kerana pengundi Cina lebih terarah memberikan undi kepada calon DAP. Tindakan DAP yang meletakkan calonnya bertanding dengan tiket WARISAN memberikan kelebihan kepada parti itu untuk memperoleh sokongan daripada pengundi Cina serta pengundi bukan Cina yang menyokong WARISAN. DAP memperoleh kemenangan enam daripada tujuh kerusi DUN, iaitu hanya kalah satu kerusi di Bingkor kepada calon Bersatu. Di Luyang, Phoong Jin Zhe memperoleh majoriti tertinggi, iaitu 14 521 undi diikuti calon DAP di Kepayan yang mendapat undi majoriti sebanyak 13 163 undi mengalahkan calon MCA. Keadaan berbeza daripada parti politik campuran seperti PKR yang hanya mampu memperoleh dua kerusi di kawasan majoriti etnik peribumi bukan Islam serta Cina.


Majoriti pengundi Islam di Pantai Timur Sabah memilih calon WARISAN Plus berbanding dengan UMNO dan PPBM termasuk merampas kerusi DUN Sebatik dari UMNO, manakala di sebelah Pantai Barat Selatan, majoriti kerusi dimenangi UMNO. Parti USNO tidak memberikan saingan sengit bahkan dalam posisi yang sangat lemah kecuali di DUN Tempasuk apabila bekas Speaker Dewan Rakyat yang juga Presiden parti yang baharu dilantik Tan Sri Panglima Pandikar Amin Mulia berjaya memberikan

saingan sengit kepada calon PN. Sementara itu, penyertaan Parti Amanah masih tidak diterima pengundi Sabah sekalipun calon diberikan peluang bertanding atas tiket WARISAN Plus di DUN majoriti peribumi Islam di Tanjung Keramat apabila Rosdy Wasli kalah kepada Shahelmey Yahya dari UMNO. Berbeza daripada parti PAS yang menjadi anggota PN namun parti ini tidak diberikan peluang untuk bertanding oleh GRS.


Bagi PBS, parti ini masih mendapat sokongan masyarakat Kadazandusun setelah berjaya memperoleh tujuh kerusi. PBS yang dipimpin Pairin mendapat jolokan *Huguan Siou* yang bermaksud pemimpin agung bagi masyarakat tersebut. Selain PBS, Parti berasaskan kadazandusun, iaitu STAR pimpinan Jeffrey Kitingan berjaya memperoleh enam kerusi. UPKO yang menganggotai gabungan WARISAN Plus hanya menang satu daripada 12 DUN yang ditandingi. Jika dicampurkan jumlah kerusi Kadazandusun ialah sebanyak 14 kerusi, iaitu PBS (tujuh), STAR (enam) dan UPKO (satu). Kekalahan UPKO di kerusi penting etnik Kadazandusun-Murut di Nabawan, Kuala Penyu dan Kadamaian kepada GRS berkait rapat dengan tindakan ADUN UPKO yang melompat parti selepas PRU ke-14 (2018). Parti UPKO turut kalah di DUN Kuamut kepada calon Bebas, iaitu Masiung Banah. Bagi calon Bebas yang menang, kesemua mereka ialah penyandang calon yang telah lama berkecimpung dalam kawasan DUN berkenaan serta banyak melakukan jasa sewaktu penggal terdahulu. Bagi kerusi baharu, GRS menang sembilan daripada 13 kerusi baharu, iaitu BN (lima), PN (tiga) dan PBS (satu). Empat kerusi lain di Darau, Limbahau, Segama dan Kukusan dimenangi WARISAN Plus. Keterangan lanjut, parti yang bertanding serta keputusan yang diperoleh dalam Rajah 1, 2, 3 dan 4.



Rajah 1 Parti politik yang bertanding atas tiket GRS serta kerusi yang dimenangi.



Rajah 2 Parti politik yang bertanding atas tiket WARISAN Plus serta jumlah kerusi yang dimenangi.



Rajah 3 Kerusi yang dimenangi calon Bebas.



Rajah 4 Parti pemerintah dan pembangkang di Sabah Pasca-PRN 2020.

Pascakebenaran (*Post truth*)

Pada tahun 2016, istilah pascakebenaran semakin terkenal apabila pengulas politik di Amerika Syarikat (AS) sering kali mengungkapkan istilah tersebut sewaktu kempen Pilihan Raya Presiden, Donald Trump. Istilah yang sama juga sering diungkapkan sewaktu Referendum Brexit di United Kingdom (UK). Trump dalam kempenya mengatakan betapa kedudukan serta keistimewaan kaum kulit putih di negaranya semakin terhakis setelah kedatangan kaum kulit hitam. Kenyataan Trump ini sebenarnya boleh dipertikaikan kebenarannya sekalipun ramai yang percaya dengan kata-katanya. Istilah pascakebenaran memberikan gambaran betapa sesuatu kebenaran boleh diselubungi kebatilan sehinggakan individu berasakan yang sepatutnya benar menjadi salah, manakala yang salah menjadi benar.

Banyak penganalisis menjangkakan bahawa WARISAN Plus mampu mengekalkan status quo sebagaimana dalam keputusan PRU ke-14 lalu. Namun begitu, apa-apa yang berlaku sebaliknya apabila GRS berjaya memenangi 38 daripada 73 kerusi DUN sekali gus membolehkan Datuk Seri Panglima Hajiji Mohd Noor selaku Ketua Perhubungan PPBM dilantik sebagai KM Sabah menggantikan Shafie dari WARISAN Plus yang memperoleh 32 kerusi.

Kedudukan GRS bertambah kukuh apabila tiga orang calon Bebas yang memenangi kerusi DUN Pitas, Kemabong dan Kuamut turut menyatakan sokongan kepada kerajaan GRS yang menjadikan kerusi keseluruhan sebanyak 41. Sementara itu, berdasarkan undang-undang Tubuh Sabah Perkara 14 (1) (c), DUN Sabah berhak melantik enam ADUN yang dilantik tanpa kawasan. Hal ini bererti ADUN kerajaan GRS boleh bertambah sehingga 47 orang dalam sidang DUN Sabah. Jika

Banyak penganalisis menjangkakan bahawa WARISAN Plus mampu mengekalkan status quo sebagaimana dalam keputusan PRU ke-14 lalu. Namun begitu, apa-apa yang berlaku sebaliknya apabila GRS berjaya memenangi 38 daripada 73 kerusi DUN

dianalisis, kemenangan WARISAN Plus tertumpu di Pantai Timur Sabah serta kawasan majoriti komuniti etnik Cina. UMNO Sabah jika tidak berpecah kepada PPBM masih mengekalkan kuasa di Sabah kerana jika dicampurkan kerusi PPBM, iaitu 11 kerusi serta UMNO 14 kerusi menjadikan keseluruhannya sebanyak 25 kerusi.

Beberapa isu yang diketengahkan seperti peristiwa serangan pengganas Sulu di Lahad Datu yang disifatkan sebagai lakonan tatkala rakyat negara ini mempercayai hal tersebut sebagai betul. Kempen bolak balik sepanjang kempen politik Sabah baru-baru ini berkait rapat dengan elemen pascakebenaran.

Permainan Sentimen

Dalam meraih sokongan politik, sentimen terawal dibentuk (*primordial*) dan dieksploitasi sepenuhnya oleh penceramah parti politik. Antara kaedah yang paling berkesan adalah dengan mengheret sentimen pemikiran sempit (*primordial*) pengundi terutama

dalam segmen kebersamaan dalam satu rumpun etnik termasuk bahasa, daerah, lokaliti, budaya dan agama yang sama dan seragam. Oleh itu, beberapa slogan seperti *Sabah for Sabahan* yang cuba dibawa oleh parti politik terdedah kepada elemen politik kenegerian dan kedaerahan yang sempit. Jika perkara sebegini menjadi amalan pastinya boleh membantutkan integrasi nasional serta keberadaan Sabah sebagai sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia.

Stigma Hubungan Kerajaan Pusat-Negeri

Berdasarkan Perkara 1(4), Sabah ialah sebuah negeri yang dijamin hak sebagaimana negeri lain di Malaysia dalam Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, keberadaan Sabah dalam Persekutuan Malaysia tertakluk kepada Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Pada April 2019, MA63 dibentangkan di Dewan Rakyat, tetapi tidak mendapat kelulusan majoriti ahli dewan terutama daripada wakil pembangkang. Oleh itu, isu hak Sabah dalam Persekutuan Malaysia

dieksploitasi sepenuhnya oleh WARISAN Plus yang menganggap bahawa kerajaan persekutuan di bawah kepimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin mendiskriminasikan Sabah serta tidak melaksanakan tanggungjawab dengan baik. Sebaliknya, Parti GRS yang selari dengan kepimpinan persekutuan menjalankan kempen yang lebih mesra dalam hubungan bilateral memandangkan banyak bantuan serta peruntukan untuk pembangunan negeri diperoleh daripada dana persekutuan.

Personaliti dan Populariti

Kemenangan Ruddy Awah dari Bebas yang berjaya mengalahkan calon parti dominan BN dan calon WARISAN sekalipun beliau bergerak secara pesaing bukan pilihan (*underdog*), menunjukkan bahawa elemen personaliti dan populariti juga merupakan satu daripada faktor terpenting dalam meraih undi dalam DUN Sabah. Tindakan Ruddy yang bertanding atas tiket Bebas disebabkan kerusi yang disandangnya diagihkan kepada UMNO walhal beliau ialah pemimpin PPBM kawasan. Di Kuamut, calon parti dominan yang bertanding, iaitu BN dan UPKO namun Masiung Banah turut bertanding dengan menggunakan logo Bebas kerana dirinya tidak tercalon disebabkan kerusi tersebut diserahkan kepada komponen GRS sedangkan penyokong akar umbi mahukan beliau bertanding. Begitu juga di DUN Kemabong, Rubin Balang yang merupakan veteran UMNO dan ahli PPBM bertanding atas tiket Bebas memandangkan beliau juga mempunyai pengaruh yang besar di kawasan tersebut.

Politik Permuafakatan

Berdasarkan keputusan PRN Sabah 2020, mana-mana parti politik yang ingin memenangi pilihan raya perlu bijak memilih rakan kongsi dalam gabungan (*coalition*). Hal ini dikatakan

demikian kerana jika parti gabungan kalah atau mempunyai bebanan (*liability*) tentunya mempengaruhi gabungan besar (*grand coalition*). Perkara ini terbukti apabila UPKO yang keluar dari gabungan BN lalu membentuk gabungan bersama-sama WARISAN Plus. Hasilnya, UPKO hanya menang satu daripada 12 kerusi yang diperuntukkan, manakala parti dalam gabungan GRS seperti STAR boleh menyertai Kabinet Negeri sekalipun menang enam kerusi DUN. Begitu juga pelaksanaan sistem majoriti mudah yang memberikan kelebihan kepada parti yang memenangi banyak kerusi kerana yang dikira ialah bilangan kerusi yang dimenangi dan bukannya jumlah peratusan undi popular. Dalam PRN Sabah lalu, GRS mendapat peratusan undi popular lebih rendah, iaitu sebanyak 316 112 atau 43.2 peratus berbanding dengan WARISAN Plus sebanyak 317 991 undi atau 43.5 peratus daripada keseluruhan jumlah undi. Walau bagaimanapun, WARISAN Plus hanya mendapat 32 kerusi berbanding dengan 38 kerusi yang dimenangi GRS menyebabkan parti komponen GRS berhak membentuk kerajaan.

Undi untuk Penyelesaian

Tindakan mahkamah yang menolak tuntutan Musa membolehkan SPR mengadakan PRN Sabah. Tindakan SPR boleh disifatkan sebagai undi untuk penyelesaian pergelutan politik Sabah agar semua pihak boleh menerima apa-apa keputusan sama ada memihak kepada parti atau sebaliknya. Pertembungan politik Sabah pasca-PRU 2018 yang tidak berkesudahan terutama antara WARISAN Plus dengan GRS hanya boleh diselesaikan dengan mengadakan pilihan raya supaya legitimasi kuasa dapat disahkan melalui luns Perlembagaan.

Dalam politik, tidak ada istilah kawan atau lawan sejati melainkan

apa-apa yang ada hanyalah kepentingan. Kepentingan tersebut sama ada kepentingan parti atau kepentingan peribadi. Dalam sesetengah keadaan, semangat setia kawan boleh berubah sekiranya kepentingan parti atau kepentingan peribadi terjejas. Pada PRU ke-14, UPKO ialah komponen BN tetapi keluar untuk menyertai gabungan WARISAN Plus untuk membentuk kerajaan. Pasca-PRU 2018 juga menyaksikan PPBM ialah “musuh” kepada UMNO, namun kedua-dua parti ini bekerjasama dalam PRN Sabah 2020. Begitu juga parti politik di bawah komponen GRS, seperti PBS, STAR, PN dan BN yang masih meletakkan calon di kawasan yang tidak diperuntukkan kepada mereka yang menyebabkan berlakunya pertembungan sesama sendiri demi mencapai kemenangan sekalipun kepimpinan tertinggi GRS mengadakan pembahagian kerusi. Bahkan, segelintir individu sanggup bertanding atas tiket Bebas setelah tidak terpilih sebagai calon pilihan raya. Begitu juga perebutan kerusi KM Sabah serta barisan Kabinet Negeri antara parti komponen yang boleh mengeruhkan hubungan sesama parti dalam gabungan yang dibentuk. Hal sebegini jika tidak dikendalikan dengan baik boleh membawa kepada keruntuhan kerajaan terutamanya jika mana-mana ADUN secara individu atau secara “berjemaah” melompat parti. Tentangan pemimpin STAR dan PBS terhadap cadangan pelantikan wakil PAS dalam DUN Sabah juga menggambarkan dalam politik, kawan tidak selalunya kekal sekalipun penyokong PAS Sabah turut bersama-sama berkempen membantu kemenangan GRS dalam pilihan raya lalu. □

Penulis ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu.